

PM doakan Tun Abdullah segera diberi kesembuhan

BERITA HARIAN 26 APR 2024

WKS: 8

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mendoakan Tun Abdullah Ahmad Badawi yang dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) kelmarin, diberikan afiyah secepat mungkin.

“Semoga Tun Abdullah diberi-

kan afiyah sesegera mungkin, dikurniakan kekuatan dan dipermudahkan segala urusan. In-sya-Allah,” katanya menerusi hantaran di laman sosial Facebooknya, semalam.

Abdullah, 85, yang juga Perdana Menteri kelima dari 2003 hing-

ga 2009 dimasukkan ke IJN pada jam 3 petang kelmarin.

Pejabat Urus Setia bekas Perdana Menteri itu memaklumkan, pakar perubatan mendapati beliau mengalami Small Spontaneous Pneumothorax dan menasihatkannya berehat secukupnya de-

ngan pemantauan doktor pakar.

Sementara itu, bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin yang juga menantu kepada Abdullah mengesahkan bapa mentuanya stabil di Unit Rawatan Koronari (CCU) IJN untuk pemantauan doktor.

Khairy yang mewakili ahli keluarga menzahirkan penghargaan kepada doa dan kata-kata semangat buat Abdullah berkata, bapa mentuanya memerlukan rehat secukupnya dan dinasihatkan tidak menerima pelawat buat masa ini.

BERNAMA